

# Dr. M yakin Kedah tidak akan jatuh ke tangan Pas

UM - 3 WAR 2004

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 2 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin Kedah tidak akan jatuh ke tangan Pas pada pilihan raya umum ke-11 ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau sendiri akan turut membantu kempen Barisan Nasional (BN) di negeri kelahirannya itu bagi mematuhi hasrat Pas tersebut.

“Saya mesti bantu kempenlah, saya dah janji nak bantu kempen, tapi belum dapat

apa-apa (undangan) kerana kita pun belum tahu (tarikh) bila nak pilihan raya.

“Pada pilihan raya kali ini BN tiada masalah untuk menang kerana pembangkang tidak lagi mempunyai isu yang konkrit untuk dibangkitkan bagi mempengaruhi pengundi,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang akhbar kemajuan Mikrocip Malaysia (MM Chip) di sini hari ini.

Dr. Mahathir sebelum ini pernah diundang oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menjadi penasihat jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Kedah.

Menurutnya, beliau juga tidak akan mempertahankan kerusinya di Kubang Pasu pada pilihan raya umum kali ini bagi memberi laluan kepada pemimpin baru selepas 40 tahun berkecimpung dalam arena politik.

Beliau diminta mengulas perkembangan menjelang pilihan raya umum dengan memberikan fokus kepada Kedah.

Pada pilihan raya umum 1999, Pas berjaya merampas lapan kerusi Parlimen dan 12

■ Lihat muka 4

# Dr. M yakin Kedah tidak akan jatuh ke tangan Pas

UM - 3 MAR 2004

kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kedah.

Selanjutnya kerusi pembangkang bagi DUN Kedah bertambah satu lagi menjadi 13 kesemuanya apabila calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saifuddin Nasution Ismail menang pilihan raya kecil DUN Lunas menewaskan calon BN, S. Anthonysamy pada 29 November 2000.

Pada pilihan raya umum kali ini Pas dikatakan mahu ‘menggempur’ Kedah dengan meletakkan calon-calon handalnya.

Parti itu dikatakan akan meletakkan calon wanita di negeri itu, antaranya ialah Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr. Lo’ Lo’ Mohd. Ghazali, Ketua Penerangan Dewan Muslimat Pas Pusat, Dr. Siti Mariah Mahmud, Ketua Dewan Muslimat Pas Kedah, Wan Tom Wan Md. Noor dan bekas Ketua Dewan Muslimat Pas Pusat, Jamilah Ibrahim.

Dr. Mahathir bagaimanapun meralakan bahawa BN di seluruh negara akan mencapai kemenangan majoriti besar pada pilihan raya umum ke-11 ini.

Menurutnya, berbanding sebelum ini, pembangkang mengeksploitasi isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998 bagi meraih simpati pengundi.

## Majoriti

“Saya jangka Barisan Nasional akan mendapat majoriti lebih besar pada pilihan raya umum 2004, berbanding pilihan raya 1999 kerana pembangkang tidak ada lagi isu, dulu isu Anwar Ibrahim,” katanya.

Beliau juga optimis bahawa BN berpotensi untuk menawan semula dua buah negeri yang diperintah oleh Pas iaitu Kelantan dan Terengganu.

“Peluangnya adalah baik (untuk

BN menawan semula Kelantan dan Terengganu),” ujarnya.

Dr. Mahathir juga menyifatkan anggapan pembangkang bahawa politik Malaysia masih dibayangi oleh pemerintahannya itu adalah hanya retorik semata-mata.

“Kalau dia (pembangkang) dah anggap begitu dia boleh anggap apa-apa pun,” katanya.

Pilihan raya umum ke-11 ini akan menyaksikan pertandingan merebut 219 kerusi Parlimen dan 567 kerusi DUN berikutan persemipadanan baru, berbanding 194 (Parlimen) dan 504 (DUN) pada pilihan raya umum 1999.

BN yang mengekalkan majoriti dua pertiga telah berjaya membentuk kerajaan pada pilihan raya umum 1999 apabila berjaya memenangi 148 kerusi daripada keseluruhan 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan ketika itu.